

NO SOALAN :53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN (PAGOH)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 21.03.2018

Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesahihan dakwaan berkaitan rizab Bank Negara Malaysia susut hampir RM161 bilion (USD 39.6 bilion) di antara tahun 2013 hingga 2015, jika benar, apakah penyiasatan telah dijalankan dan apakah perlu ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kerugian sebesar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan rizab antarabangsa negara telah mencatat USD95.3 bilion (RM409.1 bilion) pada tahun 2015 berbanding USD134.9 bilion (RM441.9 bilion) pada tahun 2013, penyusutan sebanyak USD39.6 bilion. Walau bagaimanapun, dalam nilai matawang ringgit jumlah

penyusutan hanyalah sebanyak RM32.8 bilion dan bukannya RM161 bilion seperti yang dinyatakan. Pengurangan paras rizab pada ketika itu adalah disebabkan oleh aliran keluar dana asing secara besar-besaran dan bukan disebabkan kerugian perdagangan pertukaran wang asing ataupun kerugian daripada pengurusan rizab.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Ekonomi negara pesat membangun (*emerging economies*), termasuk Asia telah mengalami aliran masuk modal yang besar berikutan pelonggaran kuantitatif (*quantitative easing, QE*) semasa Krisis Kewangan Global 2008/09. Sejak bermulanya QE, Malaysia telah menerima aliran masuk bersih dana portfolio yang besar sebanyak RM136.7 bilion antara tahun 2009 hingga 2012. Dalam tempoh yang sama, jumlah rizab telah meningkat kepada RM427.2 bilion pada tahun 2012 daripada RM331.3 bilion pada tahun 2009.

3. Walau bagaimanapun, pengecilan skala program QE yang bermula pada tahun 2013 telah menyebabkan aliran keluar dana asing daripada ekonomi negara pesat membangun termasuk Malaysia. Sehubungan itu, Malaysia telah mengalami aliran keluar dana portfolio sebanyak RM68.5 bilion antara tahun 2013 hingga 2015 mencerminkan sebahagian pengurangan pegangan dana daripada aliran masuk dana sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan sentiasa mengamalkan proses tadbir urus yang berhemat dan telus dalam menguruskan rizab antarabangsa. Suruhanjaya Siasatan Kerugian Forex Bank Negara Malaysia sekitar tahun 1990-an melaporkan bahawa langkah penting telahpun diambil oleh BNM untuk menambah baik tadbir urus dalam pengurusan rizab. Justeru, tiada penambahbaikan tambahan dicadangkan memandangkan pelbagai langkah penambahbaikan bagi keseluruhan tadbir urus dan kawalan dalaman oleh Bank telah diambil kira dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009).

5. Selaras dengan CBA 2009, bagi memastikan ketelusan tadbir urus rizab, kedudukan rizab antarabangsa diterbitkan setiap dua minggu, manakala butiran terperinci rizab antarabangsa bulanan diterbitkan pada akhir setiap bulan seperti diperlukan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa. Kedudukan rizab antarabangsa juga merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Tahunan Bank Negara Malaysia yang dibentangkan di Dewan Rakyat and Dewan Negara setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kedudukan jumlah rizab negara kekal kukuh pada 28 Februari 2018 sebanyak RM419.6 bilion atau USD103.7 bilion. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 7.2 bulan import tertanggung dan mencukupi untuk menampung tuntutan hutang luar negeri jangka pendek sebanyak 1.1 kali. Kerajaan akan sentiasa memantau

kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan paras rizab ini kekal mencukupi untuk menampung obligasi luaran.